

# Jepun dan Nobusuke Kishi

Semboyan: Sejarah berulang kembali  
Giliran Jepun tiba kini  
Kerana oleh kabinet Kishi  
Pemuda-pemuda bertindak bersatu hati  
Merobohkan kabinet yang sangat dibenci  
Nobusuke terpaksa berhenti  
Diserang pula, nyaris mati.



## Tinjauan luar Negeri

*Nobusuke Kishi*

Oleh: A.B. Husni

Apa yang telah kejadian dengan Korea dan Turki

di Jepun itu, ialah tidak senangnya hati rakyat atas

terjadi pula dengan Jepun. Betullah sebagaimana yang

tindakan pemerintahan kabinet Kishi membuat perjanjian

penulis katakan dalam tinjauan luar negeri dalam

dengan Amerika Syarikat menjadikan Jepun alat perkakas

majalah Qalam bilangan yang lalu, bahawa sejarah itu akan

Amerika Syarikat dalam sesuatu peperangan yang akan datang

datang berulang-ulang kembali dan kalau sudah sampai masanya

dan menjadikan Jepun tempat pangkalan udaranya, dari

pemuda-pemuda akan bertindak untuk menyelamatkan negara atau

mana kapal terbang-kapal terbang penyelidiknya dapat bertolak menyelidiki

pun merobohkan pemerintahan yang berkuasa pada masa

keadaan negara-negara sekelilingnya ataupun negara-negara yang

itu.

dianggapnya menentang politik Amerika Syarikat. Kalau ada

Adapun yang menjadi soal yang paling penting

terjadi sesuatu peperangan di mana Amerika Syarikat

<sup>1</sup> Kesalahan ejaan teks asal. Perkataan sebenar ialah Nobusuke.

ikut campur tangan, maka dengan sendirinya juga

Jepun mestilah ikut terlibat di dalamnya.

Tetapi sebelum kita teruskan pandangan kita

berkenaan dengan suasana politik di Jepun itu,

penulis rasa ada baiknya serba sedikit kita

tinjau dahulu sejarahnya dan alam buminya.

Jepun mempunyai bentuk negara yang bermaharaja, yang

dikepalai oleh Maharaja Hirohito semenjak tahun

1926. Luas negerinya kira-kira 381,269 kilometer

persegi, penduduknya berjumlah kira-kira 85,000,000

jiwa. Benderanya: putih dengan matahari di tengah-tengah.

Ibu negerinya: Tokyo. Kesatuan matawangnya: Yen dan

agama kesatuannya ialah Buddha dan Shinto. Jepun

terdiri dari empat buah pulau besar: Honshu atau

Hondo (pulau utama), Shikoku, Kyushu

dan Kokaido (atau Yaizo) dan lebih kurang 4,000 buah

pulau-pulau yang kecil. Di waktu pecahnya Perang Dunia yang kedua,

Jepun meliputi selain dari Jepun asli: pulau-pulau

Kuril (direbut dalam tahun 1875), kepulauan

Ryukyu (1879), Taiwan dan Pescadores

(1895), Sakhalin – Korea (10); sebagai daerah-daerah

mandat: jajahan Jerman di Pasifik (sesudah Perang Dunia

yang kedua), kepulauan Mariana, Carolina, Marshall,

sehingga luas seluruhnya menjadi 681,000 kilo

meter persegi. Dengan Manchukuo, Jepun dahulu

mempunyai mempunyai kepentingan bersama dalam masalah politik dan

ekonomi.

Ditinjau dari keadaan tanahnya menurut geologi,

Jepun merupakan bahagian yang penting dari lingkaran

gunung berapi di sekitar lautan teduh. Di Jepun ada 192

gunung berapi, sejak tahun 1596 Jepun

mengalami 21 gempa keras. Juga air bah sangat

ditakuti. Banyak di dapati mata air panas yang

mempunyai daya penyembuh. Banyak didapati pergunungan dengan

sejumlah besar lembah kecil, dialiri oleh sungai-sungai kecil

yang pendek-pendek yang tak dapat dilayari; walaupun demikian

dari sudut ekonomi besar ertinya untuk pengairan

sawah dan sebagai sumber tenaga. Gunung yang tertinggi

ialah gunung Fujiyama. Daerah-daerah pesisirnya biasanya datar

dan tidak lebar. Yang lebar hanya beberapa daerah pesisir

di mana kota-kota besar berkembang. Jumlah bandarnya lebih dari

1,400 buah. Di antaranya ada beberapa puluh terbuka untuk

perniagaan negara asing. Yang terpenting ialah Yokohama,

Kobe, Osaka dan Nagasaki.

### **Khusyukkah sembahyang tuan?**

“Dalam kita sujud dalam kita meletakkan

dahi di bumi, rasakanlah akan kehinaan diri bahawa

tidak ada harganya” – kata Kiyai Muhammad Hasbi

Ash-Shiddieqy. Kita manusia tidak ada kekuatan dan

tidak ada harga, kerana itu latihlah diri supaya

khusyuk di dalam sembahyang. Salah satu caranya

bacalah ucapan Kiyai Muhammad Hasbi.

### **Sujudlah kepada Tuhanmu!**

Disusun oleh Edrus

Sebuah buku *serial* syarahann 2

yang diterbitkan oleh Qalam. Senaskhah hanya 40 sen

sahaja. Ukuran kecil.

Iklimnya tidak ada menyatakan pertentangan yang jelas antara musim dingin dan musim panas. Sewaktu musim panas berhembus Mosun<sup>2</sup> Selatan dan Mosun<sup>3</sup> Tenggara yang panas dan lembab; sewaktu musim dingin berhembus Mosun<sup>4</sup> Barat Laut yang buruk. Banyak sekali turun hujan. Hujan terus-menerus dari akhir bulan Mei sampai pertengahan bulan Julai dan (musim hujan kedua) bulan September (bulan yang terburuk untuk kesihatan).

## BUKU2 BACHAAN SEKOLAH

Buku2 Bachaan huruf Rumi, untuk sekolah2 yang d-terbitkan oleh Qalam ada-lah buku2 bacaan yang di-buat oleh ahli-nya, ia-itu orang2 yang berpengalaman dalam mengajar. Teknik-nya baik dan menarik.

Buku2 bacaan huruf Rumi yang sudah diterbitkan:

|  |     |        |
|--|-----|--------|
| 1. Tunas Baru, Buku A.B.C.<br>(di-chitak tiga warna) | ... | \$1.50 |
| 2. Tunas Baru (Buku Pertama)<br>untok darjah I       | ... | 1.00   |
| 3. Tunas Baru (Buku Kedua)<br>untok darjah II        | ... | 1.50   |

*Bagi Sekolah2 Umum mengajar Bahasa*

*Kebangsaan dua buku sudah terbit:*

|   |     |      |
|---|-----|------|
| 1. Bahasa Kebangsaan<br>“Senang Bacha I” ...  | ... | 0.80 |
| 2. Bahasa Kebangsaan<br>“Senang Bacha II” ... | ... | 0.80 |

Teknik-nya ada-lah terbaik sekali! Pesan-lah kepada:

QALAM  
356/8, GEYLANG ROAD  
SINGAPORE 14.

Berkenaan dengan penduduk, hingga sekarang tidak ada tanda-tanda menunjukkan adanya penduduk asli, sebab baik orang Aino maupun orang sebagai yang disebut Yamato adalah orang yang datang dari negeri (daerah) lain. Bangsa Jepun (yang menyebut dirinya bangsa Yamato) merupakan bangsa yang telah lama berselang timbul dari percampuran 3 atau 4 macam rumpun bangsa, mungkin berasal dari Asia Utara melalui Korea, dari China Selatan dan dari Indonesia dan Mikronesia melalui Taiwan dan Kepulauan Ryukyu.

Sejarah Jepun menyatakan, bahawa Jimmu tenno naik takhta kerajaan sebagai Maharaja Jepun pada 11 haribulan Februari 660 tahun sebelum Masihi. Dalam tahun 550 sesudah Masihi Jepun mengambil peradaban China dan Buddha sebagai pedoman, dan dalam tahun 645 negara kekeluargaan diganti oleh kerajaan mutlak (kekuasaan raja tak berbatas), susunan pemerintahan yang dipusatkan menurut model China hingga tahun 1192. Dari tahun 1192-1600 kerajaan Jepun adalah negara feudal. Mulai dari tahun 1603 orang Jepun untuk pertama kali berkenalan dengan peradaban Eropah dan agama Kristian dari tahun 1603-1868 disebutkan zaman Takogawa<sup>5</sup>, zuriat Takogawa yang memerintah, sebagai negara polis, dengan ibu negerinya Yaido, iaitu Tokyo dalam tahun 1854 dilakukan persetujuan kewangan antara Amerika dan Jepun. Jepun dibuka untuk negara-negara asing. Dari tahun 1868-1912 disebut zaman Meiji: masa pemerintahan Maharaja Mutsuhito. Dalam masa kerajaan ini, pemerintahan maharaja dimulai lagi

<sup>2</sup> Kesalahan ejaan teks asal. Perkataan sebenar: ‘Monsun’.

<sup>3</sup> Sama seperti di (2).

<sup>4</sup> Sama seperti di (2) dan (3).

<sup>5</sup> Merujuk kepada Tokugawa.

|  |  |
|--|--|
| dengan menghapuskan sistem feudal dan Jepun menjadi negara moden.  | 1932 (1 Mac) - Manchukuo didirikan.  |
| 1889 – Undang-undang – dasar mulai berlaku.  | dari Kesatuan Bangsa-bangsa.   |
| 1890 – Dewan Perwakilan Rakyat dibuka.   | 1933 – Pendudukan Jehol. Jepun keluar  |
| 1894 – 95 – Perang dengan China.   | 1937 – Kabinet Konoe. 7 Julai mulai  |
| 1902 – Jepun bersekutu dengan Inggeris.  | perang dengan China.   |
| 1904-1905 – Perang dengan Rusia.   | 1940 – (27 September) – Perjanjian tiga  |
| 1910 (29 Julai) – Korea direbut.   | negara: Berlin, Rome, Tokyo.   |
| 1912 (30 Julai) – Maharaja Mutsuhito mangkat   | Oktober 1941-September 1944: Kabinet Tojo. Jeneral Tojo semacam diktator. 8 Disember   |
| 1912-1926 – Zaman Taisho (sejak 1921 pemerintahan dalam tangan Pangeran – kerana (Maharaja Lela).  | 1941 serangan Jepun ke Pearl Harbor. Perang dengan Amerika, Inggeris, Belanda dan Australia. Jepun merebut bahagian terbesar dari Asia Tenggara dan sebahagian besar dari China.   |
| 1914 (23 Ogos) Perang diisytiharkan terhadap Jerman.   | 14 Ogost 1945 – Jepun menyerah dengan tidak bersyarat. Jeneral MacArthur sebagai kepala pendudukan   |
| 1915 (Mei) – Jepun memajukan 21 syarat kepada China.   | Sudahkah tuan membaca:   |
| 1919 – Jepun memperoleh seluruh hak Jerman di Shantung dan sebagai mandat semua koloni Jerman di Pasifik, sebelah utara Khatulistiwa (Perjanjian Versailles).                    | <b>Surat-menjurat</b><br>Disusun oleh Edrus – mengandungi hal ehwal pejabat surat dengan contohnya iaitu selain daripada mengandungi hal ehwal yang mengenai surat-menjurat beradat, kepada ahli-agama, kepada orang-orang awam. |
| 1921-1922 – Mesyuarat Washington. Penetapan perbandingan angkatan laut Amerika, Inggeris, Jepun 5: 5: 3; Shantung ditinggalkan oleh Jepun, persekutuan dengan Inggeris diakhiri. | Inilah pertama-tama buku mengenai surat-menjurat di dalam bahasa Melayu huruf Jawi yang lengkap kandungannya.  |
| 1926 - Sekarang: Zaman Showa. Pangeran – Hirohito menjadi Maharaja (25 Disember).  | Senaskhah \$1.80   |
| 1931 – (19 September) – Kekacauan Mukden: Manchuria mulai diduduki oleh tentera Jepun.   | Post 20 sen<br>Kalau memesan hendaklah disebut naskhah Jawi.   |

Sudahkah tuan membaca:

## **Surat-menyurat**

Disusun oleh Edrus – mengandungi hal ehwal pejabat surat dengan contohnya iaitu selain daripada mengandungi hal ehwal yang mengenai surat-menyurat beradat, kepada ahli-ahli agama, kepada orang-orang awam.

Inilah pertama-tama buku mengenai surat menyurat di dalam bahasa Melayu huruf Jawi yang lengkap kandungannya

Senaskhab \$1.80 Post 20 sen

Kalau memesan hendaklah disebut naskhah Jawi

Sekutu<sup>6</sup> sampai bulan April 1951.

November 1946 – Perlembagaan Jepun yang baharu kedudukan Maharaja Jepun yang tak terbatas kuasanya berubah menjadi raja yang berperlembagaan.

April 1951 – Ridgeway menggantikan MacArthur sebagai kepala angkatan pendudukan tentara Sekutu di Jepun. Di dalam bulan September tahun itu diadakan mesyuarat perdamaian di San Francisco; kedaulatan Jepun dibatasi hingga negara Jepun yang asal.

Semenjak bulan Oktober 1952 sehingga bulan Mei 1953 kabinet dipimpin oleh Perdana Menteri Yoshida. Setelah Yoshida meletakkan jawatan kabinet dipegang oleh beberapa orang Perdana Menteri yang lain, sehingga yang paling belakangan ini kabinet dikendalikan oleh Nobusuke Kishi, Perdana Menteri, pemegang kendali dari Parti Liberal Democrat. Perdana Menteri

Kishi politiknya sangat pro-Amerika Syarikat.

Pemerintahannya membuat perjanjian keamanan dengan Amerika Syarikat di masa Amerika akan menempatkan sebahagian tentera darat, laut dan udaranya di Jepun untuk menjaga keamanan dan dalam pada itu Jepun mendapat pinjaman beberapa ratus juta dolar dari Amerika dengan syarat yang lunak serta di antara Jepun dan Amerika berlaku perjanjian persahabatan dan tidak serang-menyerang.

Perjanjian Jepun dengan Amerika Syarikat inilah menimbulkan kemarahan hati rakyat, lebih-lebih lagi dari pihak Parti Sosialis dan Komunis serta Persatuan-persatuan Mahasiswa Kiri (Zengakuren). Walaupun perjanjian itu telah ditandatangani oleh pemerintah Amerika Syarikat-Jepun sendiri, akan tetapi perjanjian itu perlu dahulu mendapat pengesahan dari parlimen, baharulah boleh berlaku. Perjanjian inilah yang ditentang keras oleh parti-parti kiri dan mahasiswa-mahasiswa itu, oleh kerana mereka itu takut Jepun kembali masuk terlibat dalam kancah perperangan yang mungkin dilakukan antara Amerika dan Rusia.

Ketika James Hagerty, *Press Secretary* bagi Presiden Eisenhower, mengunjungi Jepun untuk mengatur kedatangan Presiden Amerika itu ke Jepun untuk merayakan hasil perjanjian keamanan itu, maka di lapangan terbang beliau dikerumuni oleh beratus-ratus ribu mahasiswa yang membawa pelekat<sup>7</sup> yang berbunyi: “Gantung sahaja Hagerty” dan lain-lain perkataan yang menghina dan mengancam, dan *Press Secretary* itu tidak dibenarkan oleh khalayak ramai meninggalkan lapangan terbang, sehingga beliau terpaksa diselamatkan oleh sebuah helikopter meninggalkan padang kapal terbang itu, kalau tidak, boleh

## BUKU2 RUMI

Penerbitan Qalam Yang Terbaru

Kesan Kesasteraan Tun Di-Tanah Ayer

Oleh: Abdullah b. Hj Musa

(Lubis) ... ... \$2.00

Cherita2 Sejarah 1

Oleh: Edrus ... ... \$1.00

Balek Dari Medan Perjuangan

Oleh: Ahmad Lutfi ... ... \$1.00

Sisa Neraka Dunia

Oleh: Ahmad Lutfi ... ... \$1.20

Bangkai Bernyawa

Oleh: Ahmad Lutfi ... ... \$1.00

Tinjauan Sastera Tanah Ayer

Oleh: Abd. Ghani bin Abbas ... \$1.50

Sejarah Perak Dahulu Dan

Sekarang

Oleh: Abdullah Hj. Musa

(Lubis) ... ... \$2.00

Surat Menyurat (chitakan kedua)

Oleh: Edrus ... ... \$2.00

<sup>6</sup> Merujuk kepada ‘Allied Forces’.

<sup>7</sup> Merujuk kepada ‘placard’. Juga boleh dieja sebagai ‘plakad’.

jadi beliau dimusnahkan oleh manusia-manusia yang menunjuk perasaan di tempat itu. Adapun kedatangan atau kunjungan Presiden Eisenhower itu ke Jepun adalah atas undangan dari kabinet Kishi, untuk “mengetatkan tali persaudaraan dan memperbaiki iklim silaturrahim”. Beliau ditetapkan akan tiba di Tokyo pada 19 Jun 1960, setelah mengunjungi Alaska, Filipina, Formosa dan Okinawa. Kemudian dari situ baharulah beliau pergi berkunjung ke Korea dan Hawaii.

Berita kedatangan Presiden Eisenhower ini ke Jepun semakin menambah api kemarahan para mahasiswa Jepun. Kira-kira 10,000 orang anggota dari perkumpulan mahasiswa Zengakuren menunjuk perasaan di hadapan Bangunan Parlimen di Tokyo dan mereka melakukan pertempuran dengan polis yang berjumlah 5,000 orang banyaknya yang menjaga bangunan Parlimen itu. Pelajar-pelajar itu memaksa dengan kata-kata dan cogan kata-cogan kata supaya kabinet Kishi minta berhenti dan perjanjian antara Jepun dan Amerika itu jangan disahkan. Perkelahian yang hebat terjadi, polis mempergunakan senjata api, kereta kebal dan bomba air, tetapi mahasiswa-mahasiswa tak gentar. Berkali-kali mereka itu dipukul mundur, tetapi bergelombang mereka itu menyerang kembali. Didalam pertempuran itu, yang terjadi pada 15 Jun 1960, 2 orang mahasiswa yang nyata mati, 30 orang disangka mati, beratus yang luka dan dari pihak polis 30 orang luka parah. Pertempuran-pertempuran diteruskan. Dan sekarang rakyat yang lain pun ikut pula campur tangan, dan dibantu pula oleh anggota-anggota Parti Sosialis dan Parti Komunis. Sekarang tunjuk perasaan itu merebak ke segenap daerah dan

kota Jepun.

Melihat kejadian-kejadian itu Perdana Menteri Nobusuke Kishi insaf, bahawa kedatangan Eisenhower ke Jepun tidak disukai rakyat, dan oleh sebab itu kunjungan Presiden Eisenhower itu dibahtalkan, kerana pemerintah kerajaan Jepun dan polis Jepun tidak dapat menjamin keselamatan Presiden Amerika Syarikat ke Jepun.

Hal itu tidak habis sedemikian sahaja.

Kabinet terus bersidang siang dan malam. Di luar Parlimen rakyat terus bertempur dengan polis dan tentera. Tidaklah hairan kita bahawa beribu-ribu orang yang cedera dan ditangkap dan dimasukkan ke dalam penjara.

Presiden Eisenhower tidak jadi berkunjung ke Jepun. Beliau meneruskan perjalannya dari Manila

## BUKU2 RUMI

|  |     |     |     |        |
|--|-----|-----|-----|--------|
| *Pendidikan  | ... | ... | ... | \$1.20 |
| *Akhhlak   | ... | ... | ... | 1.20   |
| *Surat Menyurat  | ... | ... | ... | 1.50   |
| *Jalan ka-Kota Baharu  | ... | ... | ... | 1.50   |
| Penglipor  | ... | ... | ... | 1.50   |
| Panduan Pekedai2 Kechil  | ... |     |     | 0.70   |
| Balek Dari Medan Perjuangan  | ... |     |     | 1.00   |
| Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang                                      |     |     |     | 2.00   |
| Keris Sempena Riau   | ... | ... |     | 1.00   |
| Tinjauan Sastera Tanah Ayer  | ... |     |     | 1.50   |
| Sisa Neraka Dunia  | ... | ... |     | 1.00   |
| Buku A.B.C. (buku bachaan) di-dalam-nya tiga warna (sedang di-chitak). |     |     |     |        |

\*Kalau memesan hendak-lah sebutkan naskhah Rumi. Kerana buku ini ada naskhah Jawi-nya.

ke Formosa. Di tiap-tiap negara yang dikunjunginya itu beliau disambut dengan hangat dan meriah, hanya di Jepun sahaja beliau tak dapat berkotak, kerana tindakan-tindakan mahasiswa progresif.

Meskipun sudah diucapkan yang Presiden Eisenhower tak jadi datang ke Jepun, tetapi para mahasiswa belum lagi berpuas hati. Mereka menghujani ke rumah Kishi dan Bangunan Parlimen dengan batu dan besi. Mereka berjalan-jalan dengan kelompok seratus hingga seribu orang dengan memekik-mekik dan berteriak:

---

---

#### Buku-buku Pengetahuan Penerbitan Qalam

|                               |      |
|-------------------------------|------|
| 1. Ḥamzah bin ‘Abd al-Muṭalib | 0.50 |
| 2. Nusaybah                   | 0.50 |
| 3. ‘Ikrimah bin Abū Jahl      | 0.50 |
| 4. ‘Amrū bin Jamūḥ            | 0.50 |
| 5. Sa‘ad bin Mu‘ādh           | 0.50 |
| 6. Nu‘mān bin Maqrān          | 0.50 |
| 7. Ja‘far bin Abī Tālib       | 0.50 |
| 8. Anak ‘Abd Allāh bin Ubay   | 0.50 |
| 9. Anak Angkat Rasulullah     | 0.50 |

#### Untuk Wanita-wanita

|                         |      |
|-------------------------|------|
| 1. Di Rumah Rasulullah  | 0.50 |
| 2. Hukum Bersuci        | 0.40 |
| 3. Hukum Haid dan Nifas | 0.50 |

Untuk mendapat daftar buku-buku yang lengkap sila hantar setem sepuluh sen kepada:

#### QALAM

356/8 Geylang Road,  
Singapura, 14.

“Musnah Eisenhower, musnah Kishi”. Guru-guru dan profesor-profesor universiti ikut bersama-sama menunjuk perasaan dengan pelajar-pelajar itu.

Maka tidak hairanlah kita, sesudah kejadian ini dari segenap kalangan, baik dari pihak kiri dan kanan, maupun dari pihak tengah dan neutral, datang desakan, supaya Kishi meletakkan jawatan.

Pada 16 Jun 1960, 120,000 orang mahasiswa mengadakan pawai tunjuk perasaan yang puncanya kira-kira tiga batu dengan memekik meminta supaya Perdana Menteri meletakkan jawatan. Mereka berteriak: “Kishi syaitan, pukul mati Kishi, musnahkan Kishi, berhentilah kamu Kishi, Kishi akan mati tapi kebebasan terus hidup, bubarkan parlimen, pilih yang baharu”, dan lain-lain sebagainya. 8,000 orang polis tidak cukup untuk menjaga ketenteraman mahasiswa-mahasiswa itu. Dalam pada itu, parlimen mengadakan persidangan, tetapi hanya dihadiri oleh anggota-anggota Parti Liberal Democrat, tidak dihadiri oleh Parti Sosialis, Komunis dan anggota bebas. Parlimen itu bersidang sehingga 18 Jun tengah malam. Pada pukul 12.01 tengah malam itu, dengan sendirinya perjanjian keamanan dan persahabatan antara Jepun dan Amerika Syarikat itu, bererti sudah disahkan oleh parlimen, kerana masa 30 hari untuk menolak perasmianya tidak dipergunakan oleh parlimen. Kerana itu dengan sendirinya perjanjian itu sudah menjadi undang-undang. Parti Sosialis dan Komunis tidak mengakui

sahnya perjanjian itu. 200,000 orang rakyat menunjuk perasaan hendak membakar Bangunan Parlimen dan membakar Kishi hidup-hidup, tetapi hal ini tidak

berlangsung, oleh kerana Kishi mengumumkan, bahawa dia akan meletakkan jawatannya, kerana katanya tugasnya telah selesai sebab perjanjian itu telah dengan sendirinya mendapat pengesahan dari parlimen. Seorang anggota parlimen pada malam itu kena tikam dan dibawa ke rumah sakit.

Kishi boleh mengatakan, bahawa dia telah bangga mendapat kemenangan menghasilkan perjanjian buah ciptaannya itu, tetapi orang banyak berdendam kesumat kepadanya.

Ketika diadakan pemilihan ketua Parti liberal Demokrat sebagai gantinya terpilih Hayato Ikeda, berumur 60 tahun, yang akan menggantikan Kishi juga sebagai Perdana Menteri.

Setelah habis sahaja upacara pemilihan itu, beribu-ribu orang parti kiri menunjuk perasaan dan masuk ke gedung parlimen, sambil memekik: "Kami minta Ikeda menarik diri juga". Mereka itu mendukung panji-panji yang berbunyi: "Hapuskan perjanjian keamanan dengan Amerika Syarikat", "Bubarkan parlimen dengan segera". Orang-orang yang menunjuk perasaan ini berjumlah 50,000 orang dan tidak ada dipergunakan kekerasan melainkan semua berjalan dengan aman.

Di dalam kejadian-kejadian yang tersebut di atas, bukan sahaja pemerintah Jepun akan tetapi pemerintah Amerika Syarikat bermalu muka. Bukankah kejadian itu menunjukkan bahawa pengaruh Amerika di Asia sudah bertambah kurang, dan rakyat tidak mau diajak-ajak bersekutu lagi yang mana maksudnya semata-mata untuk menjadi alat perkakas dan alat tumpuan dan landasan bagi sesuatu peperangan, walaupun upah hadiah yang dijanjikan untuk menyelenggarakan hal ini kekayaan dan kemakmuran yang beribu-ribu juta jumlahnya?

Oleh kerana dewasa ini orang sudah cukup masak untuk memahamkan, bahawa kekayaan dan kemakmuran itu tidak ada gunanya, kalau di belakangnya itu ada tersembungi alat perhamaan dan bidang permusnahan dan kebinasaan.

Moga-moga kejadian yang telah berlaku di Jepun itu dapatlah kiranya menjadi suatu kacamata perbandingan kepada negara-negara di seluruh dunia ini, yang masih hendak menekankan dan memaksakan semua kemahuan hatinya kepada rakyat, dengan tak sedikit pun mendengarkan keluh-kesah dan ratap tangis dari rakyat dan pihak pembangkang dengan secara tulus ikhlas.

Kejadian-kejadian di Jepun itu masih banyak lagi membawa akibat. Marilah sama-sama kita perhatikan dan *in shā'a Allāh* di belakang akan penulis beri kecaman lagi.

Kitab sejarah untuk sekolah-sekolah

Sudah siap

Sejarah Ringkas

**Muhammad**

*Sallā Allāhu 'alayhi wa sallam*

Disusun oleh Edrus. Sejarah

ringkas Junjungan kita Muhammad (S.A.W.) yang perlu diketahui terutamanya oleh murid-murid sekolah.

Tiap-tiap bahagian disudahi dengan pertanyaan-pertanyaan yang boleh mengingatkan murid-murid kepada apa yang telah dibacanya. Bahasanya mudah difahami dan disulam dengan peta dan gambar-gambar yang berkaitan dengan sejarah-sejarah itu. Pertama buku sejarah ringkas yang diterbitkan oleh Qalam untuk sekolah-sekolah.

Senaskhah \$1.20

Pos 10 sen.